

## **Faktor-Faktor Yang Mempunyai Hubungan Dengan Pembangunan Modal Insan Di Kalangan Pelajar Tahun Empat Fakulti Pendidikan UTM.**

Abdullah Sulong & Siti Zainab Sugiman

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembangunan modal insan dan ciri-ciri modal insan yang berkualiti dalam diri pelajar serta mengkaji faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan pembangunan modal insan tersebut. Antara faktor-faktornya ialah faktor keluarga, faktor rakan sebaya, faktor keilmuan, faktor persekitaran dan faktor undang-undang. Responden kajian ini adalah pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan, UTM sesi 2008/2009 iaitu seramai 143 pelajar. Satu set soal selidik yang mengandungi 54 item telah diedarkan kepada responden. Analisis deskriptif dibuat untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science version 12.0 for Windows*. Ia juga dianalisis secara statistik inferensi dengan menggunakan korelasi Pearson untuk melihat hubungan antara pembangunan modal insan di kalangan pelajar dengan faktor-faktor yang dikaji. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.841. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa persepsi dan ciri-ciri modal insan dalam diri responden berada pada tahap nilai min yang tinggi iaitu 4.372 dan 4.199. Manakala faktor keluarga, rakan sebaya, keilmuan, dan persekitaran berada pada tahap nilai min yang tinggi iaitu masing-masing 4.33, 4.172, 4.392, 3.941 dan faktor undang-undang pada tahap sederhana iaitu 3.478. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembangunan modal insan di kalangan pelajar dengan faktor keilmuan iaitu  $r = 0.652$ , faktor rakan sebaya iaitu  $r = 0.597$ , faktor keluarga iaitu  $r = 0.486$ , faktor persekitaran  $r = 0.459$  dan faktor undang-undang iaitu  $r = 0.199$ . Beberapa cadangan dikemukakan bagi penambahbaikan hasil daripada rumusan kajian.

*Katakunci* : pembangunan modal insan

### **Pengenalan**

Pembangunan modal insan (PMI) ataupun sebelumnya dikenali sebagai sumber manusia adalah perkara yang diberi penekanan oleh pihak kerajaan dan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9). Ianya menjadi satu keperluan masa kini kerana dalam konteks ekonomi berasaskan pengetahuan manusia merupakan fokus utama. Manusia dengan segala potensi yang terdapat dalam dirinya atau yang dikenali sebagai modal atau aset perlu dikembangkan dan digerakkan untuk mencapai segala tujuan atau matlamat yang diinginkan. Begitu juga ianya perlu dinilai bagi memastikan segala tujuan atau matlamat yang diwujudkan dilaksanakan dengan sempurna dan jayanya. Dalam pada itu, perbincangan tentang modal insan juga telah membuka satu perspektif baru apabila ianya turut dilihat dari sudut yang terdapat pada ajaran islam.

Proses pembentukan sahsiah ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti ciri-ciri biologi yang diwarisi, persekitaran fizikal dan budaya (Siti fatimah, 1993:5). Begitu juga menurut Ee Ah Meng (1997:136) yang menyatakan proses membentuk sahsiah adalah dipengaruhi oleh baka dan keturunan dalam ( Mohd ismail Mustari 2007:113).

Apa yang menjadi kebimbangan di sini kurangnya ciri-ciri modal insan di kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Swasta (IPTS). Mahasiswa merupakan golongan terpelajar dan berpendidikan tinggi yang bakal mengambil alih tumpuk

pimpinan negara. Tambahan pula sebagai pelajar fakulti pendidikan yang akan mengajar anak bangsa dan akan menjadi *role-model* kepada anak murid perlu menjadi insan berkualiti terlebih dahulu sebelum mendidik anak bangsa menjadi insan berkualiti.

Oleh yang demikian, kajian terhadap pembangunan modal insan di kalangan pelajar fakulti pendidikan di perlukan serta kajian terhadap faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan pembangunan modal insan di kalangan pelajar fakulti pendidikan juga di rasakan amat perlu.

### **Pernyataan Masalah**

Allah menciptakan manusia dalam keadaan sempurna. Segala yang pincang dalam usaha mengembalikan manusia ke martabat yang dianugerahkan Allah, adalah kesilapan manusia sendiri. Manusia perlu mengambil iktibar, pengajaran dan pengalaman daripada umat dahulu dan generasi awal supaya mereka tidak mengulangi kesilapan itu. Apabila ditinjau dan dihalusi sirah terdahulu, umat Islam berjaya kerana mereka mampu memaksimumkan segala kekuatan yang dianugerahkan Allah dalam hidup mereka.

Setiap insan belia perlu faham cara mengurus hidup secara professional daripada perspektif Islam ialah apabila kita melakukan setiap perkara, ianya tidak bertentangan dengan tuntutan al-Quran dan al-Sunnah. Islam juga mengarahkan umatnya bukan sekadar berjaya di akhirat malah berjaya di dunia. Oleh itu, sebagai seorang umat Islam kita perlu berusaha meningkatkan kehidupan supaya menjadi orang yang berjaya agar dapat membina ketamadunan cemerlang. Kecemerlangan individu amat diperlukan kerana dari individu akan membentuk keluarga dan seterusnya membentuk masyarakat dan negara.

Pembangunan individu inilah yang sedang di war-warkan oleh kerajaan Malaysia dalam matlamatnya untuk menuju wawasan 2020 iaitu dalam pembangunan modal insan. Pelajar IPT merupakan belia yang tergolong dalam modal insan yang ingin dibangunkan. Masalahnya kurangnya akhlak dan modal insan dalam diri pelajar, jadi pengkaji ingin mengenal pasti ciri modal insan yang ada dalam diri pelajar dan mengenal pasti faktor yang mempunyai hubungan dengan pembangunan modal insan terhadap pelajar kerana pelajar IPT dan belia merupakan aset negara yang tidak ternilai harganya.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan pembangunan modal insan di kalangan pelajar fakulti pendidikan. Objektif kajian adalah seperti berikut :

1. Melihat persepsi pelajar terhadap pembangunan modal insan.
2. Mengenal pasti ciri-ciri modal insan dalam diri pelajar.
3. Untuk melihat hubungan di antara faktor keluarga, faktor rakan sebaya, faktor persekitaran, faktor keilmuan dan faktor undang-undang dengan pembangunan modal insan.

### **Kepentingan Kajian**

Pengkaji sangat berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin disampaikan iaitu:

1. Mengetahui faktor-faktor yang membantu penerapan modal insan di kalangan pelajar

2. Membantu mewujudkan kesedaran dalam diri pelajar fakulti pendidikan itu sendiri memandangkan mereka keluar sebagai pendidikan dan bertanggungjawab membentuk anak didik agar menjadi modal insan yang diharapkan negara.
3. Membantu meningkatkan sambutan mahasiswa kampus terhadap program-program keilmuan, kemantapan rohani yang di anjurkan oleh pihak tertentu.
4. Sebagai langkah untuk menjayakan pembangunan modal insan.

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat dan tujuan kajian dijalankan. Kajian ini dijalankan secara deskriptif dan inferensi yang bertujuan untuk melihat persepsi pelajar terhadap pembangunan modal insan. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat ciri-ciri modal insan dalam diri pelajar dan melihat persepsi pelajar terhadap faktor-faktor keluarga, rakan sebaya, keilmuan, persekitaran dan undang-undang kepada pembangunan modal insan di kalangan pelajar. Penyelidikan deskriptif adalah satu bentuk penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang berlaku. Manakala penyelidikan inferensi adalah untuk melihat hubungan antara faktor-faktor yang hendak dikaji dengan pembangunan modal insan.

Untuk melihat persepsi pelajar terhadap pembangunan modal insan, ciri-ciri modal insan dalam diri pelajar dan melihat persepsi pelajar terhadap faktor-faktor keluarga, rakan sebaya, keilmuan, persekitaran dan undang-undang kepada pembangunan modal insan di kalangan pelajar, penyelidik mendapatkan data melalui min daripada analisis deskriptif. Penyelidik juga menggunakan korelasi untuk melihat hubungan di antara pembangunan modal insan di kalangan pelajar dengan faktor-faktor yang mempunyai hubungan.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Menurut Mohamad Najib (1999:37), populasi merupakan semua ahli di dalam suatu kelompok. Populasi juga merupakan sumber data atau maklumat yang diperolehi berkenaan penyelidikan yang dijalankan. Sementara sampel pula ialah cabutan kes atau subjek daripada sesuatu populasi (Sidek Mohd Noah, 2002:85). Pada asasnya pensampelan membolehkan maklumat diperoleh daripada sebahagian kumpulan yang lebih besar (Syed Arabi Idid, 1992:45).

Di dalam kajian ini, populasi adalah terdiri daripada 474 orang pelajar tahun empat yang mengambil kursus sarjana muda di bawah Fakulti Pendidikan dan sedang menjalani pengajian sehingga sesi 2008/2009 di kampus Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Penyelidik memilih sebanyak 143 orang sebagai sampel bagi kajian ini

Pemilihan jumlah sampel ini adalah bertepatan kerana menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 38) jumlah minimum untuk sampel yang dipilih adalah sebanyak 30 peratus daripada jumlah populasi. Menurut beliau lebih besar saiz sampel adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak mudah berkelompok mengikut kursus. Pengambilan sampel adalah secara rawak berkelompok.

### **Kajian Rintis.**

Sebelum kajian sebenar di lakukan, penyelidik akan menjalankan kajian rintis ke atas 8 orang pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.841. Kajian rintis yang dibuat ini adalah bertujuan untuk memastikan soal selidik yang hendak digunakan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi

(*Reliability Coefficient*). Rasional pemilihan sampel untuk kajian rintis ini kerana ianya mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji. Di samping itu, kajian rintis ini juga adalah untuk memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti.

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003:122), nilai 0.8 didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu ralat. Sekiranya nilai adalah lebih rendah daripada 0.8, pengkaji perlu mengubah item dan seterusnya melaksanakan kajian rintis sekali lagi sehingga mencapai tahap nilai 0.8 ke atas.

### **Analisis Keseluruhan**

Rumusan di dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada analisis data bagi bahagian B dan C. Min keseluruhan dapat diterangkan seperti berikut bagi keseluruhan konstruk item:

**Jadual 1 : Nilai min bagi keseluruhan konstruk item**

Konstruk	Nilai Min
1. Persepsi pelajar terhadap pembangunan modal insan	4.372
2. Ciri-ciri Modal insan dalam diri pelajar.	4.199
3. Faktor Keluarga	4.330
4. Faktor Rakan Sebaya	4.172
5. Faktor Keilmuan	4.392
6. Faktor Persekutaran	3.941
7. Faktor Undang-undang	3.478

Jadual 1 menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi konstruk ciri-ciri modal insan di kalangan pelajar fakulti pendidikan ialah 4.199. Manakala faktor keluarga ialah 4.33, faktor rakan sebaya ialah 4.172, faktor keilmuan ialah 4.392, faktor persekitaran ialah 3.94 dan faktor undang-undang ialah 3.478.

**Jadual 2 : Keputusan korelasi**

		Faktor Keluarga	Faktor Rakan Sebaya	Faktor Keilmuan
<b>Pembangunan modal insan</b>	Pearson Correlation ( <i>r</i> ) Sig. (2-tailed) <i>n</i>	0.486** 0.000 143	0.597** 0.000 143	0.652** 0.000 143

		Faktor Persekutaran	Faktor Undang-undang
<b>Pembangunan modal insan</b>	Pearson Correlation ( <i>r</i> ) Sig. (2-tailed) <i>n</i>	0.459** 0.000 143	0.199* 0.17 143

\* Signifikan pada aras keyakinan 0.05

\*\* Signifikan pada aras keyakinan 0.01

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa terdapat lima faktor iaitu faktor keluarga, faktor rakan sebaya, faktor keilmuan, faktor persekitaran dan faktor undang-undang yang mempunyai hubungan signifikan dengan pembangunan modal insan di kalangan pelajar. Ini dapat dibuktikan dengan melihat nilai *r* yang diperolehi iaitu faktor keluarga *r* = 0.486, faktor rakan sebaya *r* = 0.597, faktor keilmuan *r* = 0.652 dan faktor persekitaran *r* = 0.459 dan Faktor undang-undang *r* = 0.199.

### Perbincangan

Hasil kajian mendapati 96.9% bersetuju dengan item satu, ini menunjukkan ramai di kalangan mereka sepakat dengan apa yang diperkatakan oleh Fadzli Adam, Asyraf Hj Ab. Rahman dan Ruzaini Sulaiman (2006:10) bahawa konsep pembangunan sumber manusia dalam Islam adalah proses membentuk insan yang baik dan berguna. Ia bukan sahaja kepada dirinya, malah masyarakat, agama dan negara. Manakala item dua yang berkaitan persepsi pelajar terhadap ciri-ciri modal insan yang dapat dilihat dalam diri seseorang pula, didapati sebanyak 98.6% yang bersetuju dengan item tersebut. Dapatan ini menyokong pendapat Amini Amir Abdullah (2006:7) iaitu proses pembangunan modal insan bermula dengan pengukuhan atas agama dan kemudiannya diikuti oleh proses penerokaan ilmu pengetahuan. Hakikat ini akan merealisasikan modal insan yang benar-benar utuh dari segi akidah dan iman serta amalan.

Selain itu, dapatan menunjukkan sebanyak 98.6% responden bersetuju dengan item tiga bahawa pembangunan modal insan amat penting bagi sesebuah negara. Kita dapat lihat peratusan ini sama banyaknya dengan item dua, ini menggambarkan responden mempunyai pendapat bahawa ciri-ciri yang dinyatakan dalam item dua penting untuk diterapkan kerana insan yang mempunyai ciri-ciri modal insan yang diharapkan adalah penting untuk membangunkan negara. Bagi item empat pula berdasarkan analisis yang dilakukan, item ini merupakan item yang mendapat min tertinggi iaitu 4.44. Hampir majoriti bersetuju mengatakan Islam telah lama memperkatakan tentang kepentingan pembangunan modal insan. Sememangnya kita harus mengetahui Islam merupakan agama yang mencakupi seluruh kehidupan manusia bukan sekadar untuk pemakanan rohani semata-mata malah dengan berlandaskan ajaran Islam manusia boleh mencapai kemajuan di dunia.

Analisis bagi keseluruhan min yang diperolehi ialah 4.372. Ini jelas menunjukkan persepsi responden terhadap pembangunan modal insan berada pada tahap min yang tinggi.

Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 97.9% bersetuju bahawa mereka berusaha melakukan apa yang diperintahkan oleh agama sebagaimana dapat dilihat pada item 10 dengan min 4.43. Min bagi item ini adalah min yang tertinggi untuk konstruk ciri-ciri modal insan yang terdapat dalam diri pelajar dan berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar berusaha memenuhi tuntutan agama dan cuba menjauhi juga perkara yang dilarang. Sebagaimana yang diketahui Islam sebagai satu sistem hidup telah menggariskan satu tatacara yang lengkap bagi keperluan kehidupan manusia dalam semua aspek. Selain itu, kajian mendapati 95.1% bersetuju bahawa mereka mengetahui perkara yang dibenarkan dan dilarang oleh agama. Pengetahuan agama amat penting dalam kehidupan seseorang, menurut Mohd. Ismail Mustari (2007:85), kehidupan berdasarkan dengan kefahaman Islam yang sempurna seterusnya dapat diterjemahkan kepada penghayatan dan menghasilkan daya intelektual dan akhlak mulia. Kehidupan beginilah yang dipenuhi dengan keberkatan dan pertolongan daripada Allah.

Kajian turut mendapati bahawa 96.5% responden bersetuju bahawa mereka sering menambahkan ilmu pengetahuan sebagaimana dapat dilihat pada item lima. Di samping itu, 92.3% pelajar bersetuju terhadap item enam bahawa mereka mampu menggunakan kebanyakan teknologi terkini dan minat untuk menguasai dan mempelajarinya. Berdasarkan analisis item lima dan enam, menunjukkan responden mempunyai minat dan berusaha dalam menambahkan ilmu pengetahuan termasuklah dalam menguasai teknologi terkini. Penguasaan teknologi dikira penting pada masa kini kerana teknologi semakin berkembang pesat dan semestinya umat Islam tidak harus ketinggalan. Tokoh umat Islam terdahulu telah membuktikan bahawa mereka menguasai ilmu pengetahuan termasuklah bidang teknologi dan sebagainya, begitulah juga seharusnya kita sebagai umat Islam sekarang.

Merujuk pada dapatan kajian bagi item tujuh iaitu mereka mampu memimpin sesebuah organisasi dengan baik, mencatatkan persetujuan yang agak kurang berbanding item-item yang lain. Min item ini hanya 3.89 dan persetujuan responden pula hanya 77.6%, namun ianya masih dikategorikan tinggi. Menurut Fadzli Adam et al (2006:8), nilai modal insan ini walaupun tidak pernah tertera dengan jelas dalam laporan untung rugi mana-mana organisasi, ia sebaliknya berperanan besar dalam menentukan prestasi organisasi terbabit. Manakala hasil analisis item lapan iaitu apabila memegang jawatan, mereka dapat memegang amanah serta tidak menggunakan hanyanya semata-mata pada kepentingan peribadi mendapat persetujuan agak tinggi iaitu 87.4%. Ini menunjukkan kebanyakan responden tidak menyalahgunakan jawatan yang diamanahkan kepada mereka. Walaupun masih terdapat 16.2% yang tidak bersetuju tetapi masih ramai lagi yang amanah dalam menjalankan tugas yang diberikan. Sebagaimana pendapat Norazila Binti Sugiman (2008:32), antara prinsip asas etika kepimpinan yang seharusnya menjadi pegangan oleh sesuatu bangsa yang bertamadun ialah keimanan, kesetiaan, kejujuran, keadilan, keberanian, keterbukaan dan kebijaksanaan.

Analisis bagi keseluruhan min yang diperolehi ialah 4.199. Ini jelas menunjukkan ciri-ciri modal insan yang dikaji di dalam diri pelajar berada pada tahap min yang tinggi.

## Rumusan

Asyraf Hj Ab Rahman, Fadzil Adam, Syahrin Said dan Ruzaini Sulaiman (2006), *Modal Insan Dan Pembangunan Masa Kini*. Kolej Teknologi Sains dan Teknologi Malaysia :

- Azhar Muhammad (2001). *Koleksi Khutbah Jumaat*. Johor : Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial UTM.
- Basri Ibrahim (2000). *Ilmu Dan Amalan Di Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Ebel, R, LE & Frisbie, D.A (1986). *Esential oF Educational Measurement*. New Jersy: Prential Hall.
- Fadzilah Kamsah, Ahmad Zabidi Abdul Razak dan Noor Shamshinar zakaria (2006). Merancang Kejayaan. Selangor : PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Hjh. Noresah Baharom et al. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ishak Yussof dan Zulkifly Osman (2008). Pembangunan Modal Insan di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia: *Pembangunan Modal Insan, Isu dan Cabaran* (2008).
- Juhari Bin Jalil (2005). *Faktor-Faktor Penagihan semula (Rlapse) di kalangan penagih dadah: Kajian Kes Di Pusat Serenti, Tampoi Johor*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Muhammad Syukri Salleh (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.
- Muhsin Abd Al-Hamid (1998). *Islam dan pembangunan Sosial*. Selangor : The International Institute Of Islamic Thought, Malaysia.
- Ngismah Binti Yahya (2007). *Faktor-Faktor Yang Mengurangkan Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja Islam: Satu Kajian Di Salah Sebuah Pusat Perlindungan Wanita Di Negeri Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Syed Arabi Idid (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka.
- Syeikh Abdullah Basmeih (1982). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darulfikir